

UPM TERIMA PENGIKTIRAFAN MBOR UNTUK PROJEK SOLAR TERBESAR DI MALAYSIA

Oleh: Helena Pieary Anak Juman

Foto: Mohd Izrul Jabar



SERDANG, 21 November – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Fakulti Kejuruteraan telah menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) bagi “Projek Rooftop Solar PV Berskala Besar (The Largest Rooftop Solar Photovoltaic (PV) Project in Public Universities)” dan “Floating Solar & Walkway @ Eng UPM (FSW)”: Hidroponik-Aquavoltaic Bersepadu Berskala Besar (The First Large Scale Intergrated Hydroponic-Aquavoltaic Systems (IHAS)).”

WYKe Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Ts. Mustapha Sakmud hadir

menyaksikan sesi penyampaian dua pengiktirafan MBOR.



Pengiktirafan ini merujuk kepada pemasangan Rooftop Solar PV berkapasiti besar, iaitu 16.18 MWp di UPM, melalui Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE), yang dilaksanakan bersama GSPARX Sdn Bhd (GSPARX) iaitu anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata projek ini antara usaha universiti melalui Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang menekankan elemen kelestarian penyelidikan dan inovasi serta pengukuhan jaringan industri dan masyarakat,

“UPM akan terus proaktif dalam menggariskan perancangan yang strategik bagi memastikan amalan kelestarian terus bercambah segar,” katanya.

Dekan Fakulti Kejuruteraan, UPM, Prof. Ir. Dr. Mohd Zainal Abidin Ab. Kadir berkata projek ini mampu menyokong ekosistem lestari kepada alam sekitar.

“Saya yakin dengan adanya projek ini akan dapat meningkatkan fungsi sistem ini sebagai platform pembelajaran dan penyelidikan inovatif dalam pembangunan modal insan,” katanya.





Selain itu, pemasangan sistem solar berkapasiti 16.18 MWp ini, UPM dijangka bakal menikmati penjimatan bil elektrik sebanyak RM114 juta untuk tempoh 25 tahun.

Pemasangan sistem ini juga mampu mengurangkan 14,655 tan metrik karbon dioksida setahun bersamaan dengan pembebasan asap 3,187 buah kenderaan setahun atau penyerapan karbon dioksida oleh 242,320 batang pokok dalam tempoh 10 tahun.



Inisiatif itu juga selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang mensasarkan kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) sebanyak 70 peratus menjelang 2050 yang menjadi pemangkin utama dalam pembangunan sosioekonomi serta aspirasi negara dalam mengurangkan karbon pada 2040.




Dalam pada itu, Datuk TS. Mustapha turut melancarkan J.Lounge atau lebih dikenali sebagai PUTRA Learning Café iaitu ruang kolaboratif hasil kerjasama dengan Kopi Mesin dan j.Map iaitu sistem papan tanda digital mesra pengguna dengan penggunaan teknologi peta untuk memudahkan navigasi di sekitar fakulti dengan lebih mudah dan cepat.

Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB

Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

